

Merentasi Dikotomi Bandar/Desa : Ke Arah Pewilayahan Petempatan Luar Bandar Yang Mengalami Tekanan Limpahan Pembandaran

Anuar bin Amir

*Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi
Malaysia, Skudai, Johor.*

ABSTRAK Pembangunan mampan merupakan matlamat utama dalam perancangan spatial sama ada bagi pembangunan kawasan bandar atau luar bandar. Namun begitu, dichotomi bandar/kampung telah memisahkan antara petempatan bandar/luar bandar dan telah digunakan dengan meluas dalam bidang perancangan sehingga sekarang. Perubahan-perubahan yang berlaku berdasarkan kemajuan teknologi, cara hidup dan impak kemedanan menyebabkan ciri-ciri perbezaan antara petempatan bandar/luar bandar semakin kabur dan makin tidak relevan. Jurang perbezaan antara petempatan bandar/luar bandar secara umumnya telah menurun dalam aspek penduduk, ekonomi, sektor pekerjaan, aksesibiliti kepada kemudahan dan maklumat, dan dalam aspek migrasi. Penekanan berlebihan kepada pembandaran mewujudkan isu limpahan pembandaran ke kawasan luar bandar. Kampung-kampung yang berada di sekitarnya menghadapi tekanan pembangunan; 'tenggelam', 'hanyut' atau 'lenyap' dalam arus pembandaran. Kajian-kajian di negara maju mendapati limpahan pembandaran lebih banyak memberi kesan negatif kepada petempatan luar bandar dan ianya perlu di kawal. Kajian kes di bahagian barat Metropolitan Johor Bahru mendapati limpahan pembandaran lebih memberi impak dalam aspek sosio-budaya penduduk dan tidak ketara dalam pembangunan sosio-ekonomi dan fizikal kawasan. Pewilayahan kampung pinggir bandar merupakan parameter perancangan ke arah peningkatan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui pembentukan pembangunan mampan dan lebih dinamik. Kawalan limpahan pembandaran dapat dibuat melalui pembentukan wilayah baru gabungan ciri-ciri tipologi bandar - luar bandar (intermediate areas). Pembentukan wilayah ini boleh dianggap sebagai pembentukan kawasan suburban yang lebih luas. Pelaksanaan ini dapat menyelaras penyediaan pelan perancangan bagi mukim-mukim dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat melalui pembentukan satu pelan pembangunan bijak. Pewilayahan kampung pinggir bandar secara 'polycentric' membentuk jaringan hubungan spatial dan hubungan fungsi yang rapat di antara bandar utama, pekan kecil, dan kampung-kampung melalui pembentukan wilayah pembangunan yang lebih dinamik.

Anuar Amir

Pengenalan

Perkembangan pesat pambandaran di bandar-bandar besar dalam era moden di abad ke-21 ini menjadi semakin ketara terutama bagi kebanyakan negara-negara membangun. Ini kerana pambandaran dianggap penting sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping dapat meningkatkan taraf hidup penduduk. Penekanan terhadap pembangunan luar bandar pula agak ketinggalan. Kawasan luar bandar terus diberikan konotasi negatif; 'inferior' kepada kawasan bandar; tidak perlu dilindungi, tidak perlu dikekalkan mahupun untuk dibangunkan sebagai satu petempatan mampan. Tambahan pula, sejak dulu lagi bidang perancangan luar bandar lebih sukar didefinisikan berbanding perancangan bandar disebabkan melibatkan lebih banyak isu-isu kuantitatif. Di samping itu, ia melibatkan sama aspek-aspek sosial dan budaya masyarakat dengan lebih luas dan tersendiri. Kriteria mendefinisikan kawasan luar bandar di negara-negara maju masih menggunakan tiga komponen asas; iaitu melihat saiz penduduk, densiti, dan jenis aktiviti ekonomi berbentuk primari. Bagi kebanyakan negara-negara membangun pula, definisi dan arah tuju perancangan petempatan luar bandar masih kabur dan agak mengelirukan.

Bersabit dengan ini, penyesuaian perlu dibuat ke atas pemahaman konsep dan kaedah membangunkan petempatan luar bandar. Telah sekian lama migrasi penduduk luar bandar ke bandar-bandar besar berterusan berlaku mengakibatkan berbagai masalah ekonomi, sosial dan alam sekitar sama ada di bandar mahupun di kawasan luar bandar. Penyebab utama ialah kerana manusia terus berusaha cuba mendapat kesejahteraan hidup dari peningkatan taraf hidup yang lebih baik di bandar walaupun itu tidak semestinya diperolehi. Dasar-dasar perancangan pula banyak memihak kepada pertumbuhan dan perkembangan bandar dalam merancang pembangunan ke hadapan dari melihat perspektif kepentingan wilayah luar bandar itu sendiri.

Dikotomi Bandar/Desa

Dikotomi antara petempatan bandar/luar bandar telah dikenalpasti secara mudah walaupun wujudnya 'complexity' terhadap sistem petempatan manusia yang senantiasa mengalami perubahan. Penggunaan kaedah melihat petempatan bandar/luar bandar secara berlawanan dan terpisah telah lama digunapakai di

semua negara di dunia melibatkan hal-hal berkaitan pentadbiran, pembancian penduduk, malah dalam perancangan pembangunan. Fokus sebenar yang telah diberikan adalah terhadap kawasan bandar semata-mata berdasarkan kriteria-kriteria berikut :

- (i) Saiz penduduk tampungan.
- (ii) Densiti penduduk.
- (iii) Kawasan tepubina.
- (iv) Status pentadbiran (jurisdiction).
- (v) Ratio penduduk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian.
- (vi) Kemudahan-kemudahan tertentu.

Pemakaian kriteria ini dapat mengenalpasti, membezakan malah memisahkan petempatan bandar dan desa. Perubahan-perubahan yang berlaku berdasarkan kemajuan teknologi, cara hidup dan impak kemodenan menyebabkan ciri-ciri perbezaan antara petempatan bandar/desa semakin kabur dan tidak sesuai.

JADUAL 1: Perbezaan antara kawasan bandar dan desa secara tradisi dan digunakan secara meluas di negara-negara di dunia

Dimensi/bidang	Bandar	Desa
1. Ekonomi	Di dominasi oleh sektor/ industri sekunder dan tertiar.	Lebih banyak aktiviti primari dan aktiviti-aktiviti yang menyokongnya.
2. Sektor pekerjaan	Pembuatan, pembinaan, pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan.	Pertanian dan lain-lain aktiviti sektor primari.
3. Tingkat pelajaran dan tahap penyediaannya	Lebih tinggi dari purata nasional.	Lebih rendah dari purata nasional.
4. Eksesibiliti kepada kemudahan-kemudahan	Tinggi.	Rendah.
5. Eksesibiliti kepada maklumat	Tinggi.	Rendah.
6. Demografi	Fertiliti dan mortaliti yang rendah.	Fertiliti dan mortaliti yang tinggi.
7. Politik	Liberal dan radikal.	Konservatif kepada perubahan.
8. Ethnik	Perbagai kaum dan status.	Lebih homogenous.
9. Tingkat migrasi	Tinggi dan migrasi bersih ke dalam.	Rendah dan migrasi bersih ke luar.

Sumber: Diubahsuai dari Hugo (1987).

Anuar Amir

Di Malaysia, keadaan yang sama berlaku sejak tahun 1980-an di mana penumpuan pembangunan begitu pesat berlaku di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan George Town. Jurang perbezaan antara petempatan bandar/desa secara umumnya telah menurun dalam aspek penduduk, ekonomi, sektor pekerjaan, aksesibiliti kepada kemudahan dan maklumat, dan dalam aspek migrasi. Walau bagaimanapun, perbezaan ini masih ketara di kebanyakan negara-negara kurang membangun.

Keperluan Pewilayahan Petempatan Luar Bandar

Limpahan pembandaran berlaku dalam bentuk pembangunan pesat pembandaran keluar melebihi sempadan bandar. Ini mengakibatkan sebahagian besar petempatan luar bandar yang dianggap sebagai zon peralihan telah bertukar kepada ciri-ciri bandar terutama dalam aspek bukan fizikal (Anuar Amir, 1990). Petempatan luar bandar disekitarnya juga mengalami perubahan, kesan dari pengaruh pembandaran ini. Kesan yang ketara bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga dari aspek sosioekonomi dan corak hidup penduduk.

Banyak kampung yang terletak di sempadan bandar telah 'tenggelam' dalam arus pembangunan. Kebanyakan petempatan ini telah lama wujud dan masih tidak membangun kerana tidak diberikan tumpuan dalam dasar-dasar pembangunan bandar. Sebahagiannya telah bertukar karektor, lenyap (kerana dasar pengambilan balik tanah), menjadi terasing dalam pembangunan, hilang karektor atau perlahan-lahan tenggelam dalam arus perkembangan bandar. Sebahagian yang berpotensi, masih wujud dan amat memerlukan peningkatan kemudahan bandar dan sosioekonomi yang mampan untuk jangkamasa hadapan.

Kajian-kajian terkini di barat banyak menumpukan kajian limpahan pembandaran sebagai satu proses yang perlu dihadkan namun ia sukar dilaksanakan. Limpahan pembandaran dijelaskan sebagai limpahan guna tanah bandar yang berbentuk bertaburan dan melompat-lompat (Harvey and Clark, 1965); kurang kesinambungan guna tanah (Mill, 1981); dan pembangunan tidak tersusun dan merbahaya (Peiser, 1989). Kajian-kajian terkini seperti Nelson & Duncan (1995) dan Shou, G. (2000) melihat limpahan pembandaran sebagai proses pembangunan guna tanah bandar

yang tidak bersambung dari segi spatialnya dengan bandar utama disebabkan oleh tiada perancangan, kurang kawalan dan penyelarasan.

Di Malaysia, perkembangan pempandaran dirancang ke luar dari sempadan bandar mengarah ke luar bandar. Perkembangan ini dianggap sebagai 'penerokaan' aktiviti bandar dan ruang ke kawasan luar bandar. Perancangan ke hadapan lebih diberi tumpuan daripada kawalan pembangunan di sekitar kawasan sempadan bandar. Ini mewujudkan fenomena limpahan pempandaran ke kawasan kampung di sekitarnya.

Isu-Isu Limpahan Pempandaran Ke atas Petempatan Luar Bandar

- (i) Limpahan Pempandaran mewujudkan perkembangan pembangunan di luar jangkaan dan ketidaktentuan kepada petempatan luar bandar. (Samuel R. Stanley, 1997).
- (ii) Corak pembangunan koridor berbentuk 'ribon' mengasingkan petempatan luar bandar dari gunatanah sekitar. (Edward T. McMohan, 1997). (Patricia Burgess, 1998).
- (iii) Menghilangkan rasa 'sense of place' - melonggarkan perasaan kejiranan pada kawasan dan pengasingan sosial kepada petempatan luar bandar (Thomas L. Daniel & Tom Daniels, 1998).
- (iv) Meningkatkan kos kerajaan tempatan dalam menyelenggarakan prasarana bandar dan menidakkan keperluan khusus prasarana untuk petempatan luar bandar (Marlon G. Boarnet, 2000).
- (v) Meningkatkan 'urban ghetto' dan kawasan setinggan. (Peter Gordon & Harry W. Richardson, 2000).
- (vi) Ancaman kepada aktiviti pertanian dan sosioekonomi penduduk luar bandar (Bryant & Johnson, 1992).

Isu-Isu Limpahan Pemandaran di Malaysia

- (i) Lupusnya kampung-kampung tradisi, melenyapkan suasana dan nilai-nilai kejiranan, dan menjejaskan kualiti hidup penduduk.
- (ii) Terbatasnya peluang masyarakat desa dalam ekonomi bandar.
- (iii) Isu keselesaan, keselamatan petempatan dan kesihatan awam.
- (iv) Isu spekulasi corak penggunaan tanah dan nilai tanah di sekitar pinggir bandar.
- (v) Kesan dari dasar pengambilan balik tanah.
- (vi) Tekanan pembangunan ke atas kampung pinggir bandar di sebabkan oleh ketidakmampuan ekonomi, dan kawasan kediaman adalah berbentuk 'dormitory' dan tidak lengkap.

Kajian-kajian di Luar Negara

Banyak kajian menyatakan limpahan pemandaran terjadi disebabkan ketidaksempurnaan kawalan pasaran tanah dan kelemahan dasar perancangan (Ewing, 1994). Kesan limpahan pemandaran ke atas petempatan luar bandar adalah berbagai; menjejaskan sumber-sumber luar bandar khususnya pertanian (Davies et al. 1994), meningkatkan penggunaan kenderaan dengan pesat sehingga mewujudkan kesesakan lalu lintas (Amicus, 1996), memanjangkan perjalanan dari segi jarak dan masa, meningkatkan kos membangunkan infrastruktur, dan pencemaran alam sekitar (Senville, 1999), dan 'kerugian' kepada komuniti luar bandar (Brashaw & Muller, 1998), (Gersh, 1996). Dari segi guna tanah, pengecilan saiz berlaku pada guna tanah pertanian dan perhutanan; peningkatan saiz kepada guna tanah perumahan, industri, perdagangan dan pengangkutan (contoh kajian Westborough, MA, 2000).

Di negara maju, limpahan pemandaran mengancam bukan sahaja kepada habitan haiwan liar tetapi juga pola-pola petempatan luar bandar disebabkan pecahan tanah menjadi semakin kecil, terencil dan mengganggu ekologi tanah (Abel Russ, 2000). Kajian-kajian di luar negara telah banyak dilakukan meliputi berbagai aspek fizikal

atau bukan fizikal. Impak limpahan pembandaran adalah meliputi kesan positif dan kesan negatif seperti berikut:

Impak positif

- (i) Peluang pekerjaan di kawasan bandar utama meningkat.
- (ii) Peningkatan pekerjaan sektor tertiar /perkhidmatan.
- (iii) Peningkatan pekerjaan sektor tertiar /perkhidmatan.
- (iv) Peningkatan pendapatan penduduk.
- (v) Penduduk lebih aktif dalam tenaga kerja – masa bekerja lebih tinggi.
- (vi) Kadar penyewaan kediaman semakin tinggi.
- (vii) Pengabungan Aktiviti pertanian dan pembuatan.
- (viii) Kemudahan mendapatkan perkhidmatan bandar dan peningkatan kualiti hidup.
- (ix) Pasaran rumah lebih luas.
- (x) Perniagaan moden berbentuk "home office".
- (xi) Corak kehidupan mewah.
- (xii) Nilai permakanan lebih baik.
- (xiii) Kepekaan kepada pembangunan.
- (xiv) Ke arah kemodenan corak hidup.
- (xv) Peningkatan interaksi dalam masyarakat.

Impak negatif

- (i) Kesesakan kawasan kediaman.
- (ii) Kesesakan lalulintas.
- (iii) Aliran ulang alik bandar meningkat.
- (iv) Pencemaran alam sekitar.
- (v) Menjejaskan aktiviti berkaitan pertanian dan pendapatan menurun.

atau bukan fizikal. Impak limpahan pembandaran adalah meliputi kesan positif dan kesan negatif seperti berikut:

Impak positif

- (i) Peluang pekerjaan di kawasan bandar utama meningkat.
- (ii) Peningkatan pekerjaan sektor tertiar /perkhidmatan.
- (iii) Peningkatan pekerjaan sektor tertiar /perkhidmatan.
- (iv) Peningkatan pendapatan penduduk.
- (v) Penduduk lebih aktif dalam tenaga kerja – masa bekerja lebih tinggi.
- (vi) Kadar penyewaan kediaman semakin tinggi.
- (vii) Pengabungan Aktiviti pertanian dan pembuatan.
- (viii) Kemudahan mendapatkan perkhidmatan bandar dan peningkatan kualiti hidup.
- (ix) Pasaran rumah lebih luas.
- (x) Perniagaan moden berbentuk 'home office'.
- (xi) Corak kehidupan mewah.
- (xii) Nilai permakanan lebih baik.
- (xiii) Kepekaan kepada pembangunan.
- (xiv) Ke arah kemodenan corak hidup.
- (xv) Peningkatan interaksi dalam masyarakat.

Impak negatif

- (i) Kesesakan kawasan kediaman.
- (ii) Kesesakan lalulintas.
- (iii) Aliran ulang alik bandar meningkat.
- (iv) Pencemaran alam sekitar.
- (v) Menjejaskan aktiviti berkaitan pertanian dan pendapatan menurun.

- (vi) Kemudahan bandar yang sesak (stress).
- (vii) Perkerjaan tidak mahir meningkat.
- (viii) Ancaman kepada kesihatan penduduk.
- (ix) Percanggahan aktiviti guna tanah.
- (x) Industri bercampur kediaman.
- (xi) Konflik gaya hidup.
- (xii) Kenaikan nilai tanah.
- (xiii) Pengasingan diri/masyarakat.
- (xiv) Ancaman kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.
- (xv) Hubungan kekeluargaan/'kinship' menjadi longgar.
- (xvi) Peningkatan jenayah sosial – kecurian, gang, dadah.
- (xvii) Konflik antara kaum.

Kajian Kes : Kampung-Kampung Pinggir Bandar Bahagian Barat Metropolitan Johor Bahru

Pembangunan pesat pempandaran di barat Metropolitan Johor Bahru berlaku sejak tahun 1980an. Dasar pembangunan memberikan keutamaan kepada kawasan yang mempunyai kemudahan infrastruktur menyebabkan bahagian barat metropolitan mengalami pertumbuhan pesat taman-taman perumahan dan aktiviti perniagaan. Bagi kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) sahaja berlaku peningkatan 125.8% stok rumah dari tahun 1991 hingga tahun 1998 yang meliputi 76 taman perumahan. Sebahagian besar taman perumahan ini berada di sekitar kawasan barat metropolitan Johor Bahru.

JADUAL 2: Senarai Kampung di Pinggir Bandar Bahagian Barat Metropolitan Johor Bahru

Bil.	Nama Kampung	Jenis Petempatan	Bilangan Penduduk	Bilangan Rumah	Luas Kawasan (ekar)
1	Kampung Teluk Serdang	Kampung Induk	1,650	330	45
2	Kampung Pasir	Kampung Rangkaian	5,350	1070	80
3	Kampung Pasir Baru	Kampung Rangkaian	1,830	366	40
4	Kampung Pengkalan Rinting	Kampung Rangkaian	1,150	230	42
5	Kg. Pengkalan Merin	Kampung Rangkaian	750	150	14
6	Kampung Sri Jaya	Kampung Rangkaian	1,050	210	40
7	Kampung Sri Jaya Baru	Kampung Rangkaian	900	180	30
8	Kampung Sri Serdang	Kampung Rangkaian	500	100	25
9	Kampung Sri Serdang Baru	Kampung Rangkaian	748	150	11
10	Kampung Melayu Batu 10	Kampung Rangkaian	986	197	29
11	Kampung Sungai Danga	Kampung Rangkaian	2,500	500	600
12	Kampung Melayu Kangkar Pulai	Kampung Rangkaian	600	120	40
13	Kampung Pulai Gelang Patah	Kampung Induk	502	100	600
14	Kampung Melayu Gelang Patah	Kampung Rangkaian	1,600	320	47
15	Kampung Melayu Baru Gelang Patah	Kampung Rangkaian	450	90	20
16	Kampung Lima Kedai	Kampung Rangkaian	1,000	200	100
	Jumlah		21,566	4313	1763

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru. (2002)

Anuar Amir

Ciri-Ciri peralehan yang berlaku ke atas kampung-kampung pinggir bandar adalah seperti berikut:

Aspek Ketua keluarga dan Isi Rumah

- (i) Purata bilangan ahli keluarga melebihi 7 orang bagi sebuah rumah. Kira-kira 53% ketua keluarga berumur dalam lingkungan 45-65 tahun dan merupakan sebahagian besar daripada 87% penduduk yang aktif dari segi ekonomi dalam kawasan.
- (ii) Kira-kira 35% ketua keluarga berpendidikan sekolah rendah sahaja dan ini memberi kesan kepada jenis pekerjaan dan tahap sosioekonomi penduduk secara keseluruhannya.
- (iii) Lebih separuh ketua keluarga mempunyai pekerjaan tetap dan hampir satu per empat bekerja sendiri.
- (iv) Tempat kerja ketua keluarga bertumpu di bandar-bandar berdekatan. Johor Bahru (hanya 29.7%) tetapi tinggi di bandar-bandar lain yang berdekatan.

Aspek Persekitaran Fizikal dan Kediaman

- (i) Kebanyakan rumah masih kekal rumah sebuah jenis kampung iaitu hampir 70%.
- (ii) Lebih daripada 70% rumah adalah diduduki sendiri dan hanya 18% merupakan penyewa.
- (iii) Hampir satu pertiga bangunan rumah adalah status kekal manakala 65 peratus berstatus separuh kekal. Hanya 5% merupakan bangunan berstatus sementara.
- (iv) Kebanyakan rumah mempunyai antara 2-3 bilik tidur sahaja dan mempunyai hanya satu bilik air (reka bentuk rumah kampung).
- (v) Kira-kira 80% penduduk tidak mempunyai rumah lain selain dari rumah yang diduduki sekarang dan 90% telah menduduki lebih dari tempoh 20 tahun.

- (vi) Kira-kira satu pertiga penduduk mengakui keselesaan petempatan sebagai kawasan kediaman telah menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.
- (vii) Hampir 70% penduduk bersetuju pencemaran alam sekitar di persekitaran kediaman semakin meningkat dari masa ke semasa.
- (viii) Kira-kira 85% penduduk bersetuju berlakunya peningkatan kos hidup yang tinggi dalam kawasan dan memberi kesan serius kepada keluarga.
- (ix) Keseluruhannya penduduk tidak menghadapi apa-apa masalah mengenai bekalan air dan elektrik yang disalurkan dalam kawasan.
- (x) Lebih daripada 80% penduduk bersetuju perlu wujudnya pusat masyarakat lain yang dapat berfungsi baik kepada penduduk dalam kawasan.

Aspek Tahap Kemudahan Bandar

- (i) Secara keseluruhannya penduduk berpuashati mengenai jarak mendapatkan kemudahan awam seperti pejabat pos, bank, gerai makan, kedai runcit, mini market, kompleks membeli belah, mendapatkan bahan media cetak, klinik, kedai ubat, ke pusat keagamaan seperti surau, ke tadika, ke sekolah rendah, ke sekolah menengah, dan ke sekolah agama.
- (ii) Walau bagaimanapun, penduduk agak sukar mendapatkan kemudahan riadah seperti padang permainan kanak-kanak dan taman rekreasi.
- (iii) Penduduk tidak menghadapi masalah mendapatkan kemudahan awam yang berkaitan disebabkan faktor jarak yang dekat dengan kawasan bandar. Walau bagaimanapun, kebanyakan kemudahan tidak terdapat dalam kawasan petempatan itu sendiri.

Aspek Pekerjaan dan Ekonomi Keluarga

- (i) Separuh penduduk yang bekerja mempunyai pekerjaan tetap. Lebih satu pertiga berkerja di sektor swasta, satu pertiga bekerja sendiri dan hanya 18% berkerja dengan jabatan kerajaan.
- (ii) Hampir satu perempat penduduk yang bekerja, bekerja melebihi tempoh 16 jam dalam satu hari. Ini menunjukkan penggunaan masa untuk berkerja adalah melebihi dari tempoh normal iaitu lapan jam sehari. Ini juga mempengaruhi penggunaan masa untuk aktiviti lain.
- (iii) Bilangan penduduk yang bekerja dalam satu keluarga ialah 38% untuk satu orang dan 30% untuk 2 orang. Jika di bandingkan dengan pendapatan keluarga, tahap pendapatan masih dalam kategori rendah.
- (iv) Pendapatan ketua keluarga ialah di tahap RM500 hingga RM1000 berbanding RM1000 hingga RM2000 bagi pendapatan keluarga. Jumlah perbezaannya adalah tidak besar yang dapat menggambarkan bahawa jenis pekerjaan di bawah separa professional.

Aspek Kekeluargaan dan Kejiranan

- (i) Keseluruhannya petempatan desa di pinggir bandar mempunyai hubungan kekeluargaan dan kejiranan yang baik dan masih mengekalkan suasana desa dan nilai-nilai masyarakat desa seperti mengadakan aktiviti gotong royong, sering ziarah menziarahi sesama jiran dan sering mengadakan perjumpaan masyarakat setempat.
- (ii) Kekerapan bertemu dan berbual dengan jiran terdekat berlaku setiap hari yang mana kebanyakan daripadanya adalah jiran sekerja yang tinggal bersama dalam kawasan.
- (iii) Tempat pertemuan adalah di surau khususnya sebelum dan selepas menunaikan solat fardu berjemaah di surau berkenaan.

- (iv) Lebih dari separuh ketua keluarga penduduk desa di pinggir bandar menghadiri perbincangan atau mesyuarat yang di adakan dalam kawasan. 27.2% ketua keluarga aktif dalam politik dengan menjadi ahli parti politik atau melibatkan diri dengan kegiatan politik.
- (v) Lebih dari 83% ketua keluarga melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarela dan aktiviti kemasyarakatan dan separuh daripadanya melibatkan diri sekurang-kurangnya sekali dalam setiap bulan.
- (vi) Kecurian dan pecah rumah serta jenayah dadah merupakan masalah sosial yang sering berlaku dalam kawasan. Pertelingkahan antara jiran bukan merupakan satu masalah dalam kawasan dan ianya jarang berlaku.

Aspek Sosiobudaya dan Nilai Masyarakat

- (i) Corak hidup penduduk kampung pinggir bandar secara keseluruhannya semakin berubah dari corak hidup desa kepada corak hidup bandar. Ini meliputi dari aspek penggunaan masa lapang, aktiviti bersama keluarga, gunapakai barang mewah dan moden, corak kehidupan bandar dan nilai-nilai sosiobudaya bandar.
- (ii) Walau bagaimanapun, masih ada nilai-nilai masyarakat desa yang masih kekal terdapat pada penduduk kampung pinggir bandar terutama yang berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan.
- (iii) •Dari segi kemudahan bandar dan perkhidmatan bandar masih terdapat kekurangan dari segi penggunaannya kerana dipengaruhi oleh tahap sosioekonomi yang rendah.
- (iv) Ciri-ciri penduduk dan sosioekonominya banyak mempengaruhi kualiti kediaman penduduk.
- (v) Penggunaan masa lapang untuk aktiviti riadah dan rekreasi penduduk adalah di tahap yang rendah.

- (vi) Sebilangan besar keluarga tidak pernah melakukan kegiatan seperti menginap di hotel, menghabiskan cuti di kawasan peranginan, menonton wayang, melawat pameran seni dan sebagainya. Ini menunjukkan tahap kualiti hidup penduduk secara keseluruhannya adalah rendah.

Impak tertinggi ke atas kawasan kes kajian mengikut susunan:

1. Pemilikan dan gunapakai teknologi/peralatan moden.
2. Peningkatan aktiviti-aktiviti kekeluargaan seperti bersiar, makan di luar, bercuti dan beriadah.
3. Tahap pendidikan ketua keluarga yang lebih baik.
4. Penerapan nilai-nilai sosiobudaya bandar.
5. Pemilikan rumah sendiri meningkat.
6. Jenis kediaman jenis kampung berkurangan.
7. Lokasi tempat kerja di kawasan bandar meningkat.
8. Eksesibiliti mendapatkan perkhidmatan bandar lebih baik.
9. Sosiopolitik penduduk meningkat.
10. Pendapatan keluarga meningkat.

Analisis impak limpahan pembandaran di bahagian barat Metropolitan Johor Bahru secara keseluruhannya memberikan beberapa penemuan seperti berikut:

- (i) Secara keseluruhannya, pengaruh impak limpahan pembandaran masih berasaskan kepada faktor jarak petempatan dari sempadan bandar terutama bagi aspek sosioekonomi dan sosiobudaya dan tidak ketara kepada aspek fizikal.
- (ii) Limpahan pembandaran memberikan kesan lebih positif kepada aspek fizikal seperti kemudahan yang baik, berbanding aspek sosioekonomi dan sosiobudaya yang rendah kesan positifnya.
- (iii) Khusus kepada kawasan kes kajian, limpahan pembandaran kurang memberikan impak kepada peningkatan sosioekonomi penduduk kampung pinggir bandar di bahagian barat Metropolitan Johor Bahru.

- (iv) Limpahan pempandaran secara keseluruhannya mempengaruhi corak kehidupan penduduk dari segi mewujudkan suasana kejiranan yang lebih baik, dan meningkatkan aktiviti kekeluargaan penduduk.
- (v) Limpahan pempandaran juga memberi impak ke atas peningkatan masalah sosial seperti jenayah kecurian dan penagihan dadah di petempatan tertentu tetapi tidak secara menyeluruh.
- (vi) Secara keseluruhannya, kualiti hidup penduduk di petempatan pinggir bandar adalah rendah tetapi menghadapi kos hidup yang tinggi.
- (vii) Keseluruhannya, petempatan luar bandar di pinggir bandar tidak mampan dari segi ekonomi maupun pembangunannya.
- (viii) Tekanan pembangunan yang dihadapi oleh petempatan luar bandar di pinggir bandar berpunca dari tiada perancangan atau pembangunan yang perlahan dalam kawasan.

Ke arah Pewilayahan Petempatan Luar Bandar Secara 'Polycentric'

Pewilayahan petempatan luar bandar merupakan satu parameter perancangan ke arah peningkatan kualiti hidup penduduk luar bandar. Kawalan limpahan pempandaran dapat dibuat melalui pembentukan wilayah baru gabungan ciri-ciri tipologi bandar-luar bandar sebagai wilayah perantaraan. Pembentukan wilayah ini boleh dianggap sebagai pembentukan kawasan suburban yang lebih luas. Fokus perlu dibuat ke atas membangunkan pusat petempatan utama seperti pembentukan 'Pusat Suburban', pembentukan wilayah kembar seperti 'Twin Cities Region' atau 'Twin Cities Metropolitan Council' bagi penyediaan petempatan berbentuk 'Polycentric Region' yang dapat berfungsi secara bersepadu dan dinamik untuk kemampanan ekonomi petempatan luar bandar. Adalah penting sistem pentadbiran kerajaan tempatan yang jelas dan tidak bertindih, diwujudkan bagi membantu dan membentuk visi dan strategi wilayah dengan mantap. Pelaksanaan sistem pentadbiran ini dapat menyelaras penyediaan pelan guna tanah bagi mukim-mukim dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dengan membentuk satu pelan pembangunan bijak.

Di samping itu dengan pembentukan pusat-pusat terancang dapat memupuk pembangunan mampan wilayah luar bandar. Cadangan membentuk empat teras untuk pewilayahan petempatan luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) Membentuk sempadan pembangunan yang jelas - mengurangkan limpahan pembandaran yang berlaku melalui dasar 'decentralized' corak perkembangan bandar. Kawasan/tapak di sekitar pinggir bandar juga dikekalkan seperti kawasan pertanian, rekreasi dan pemuliharaan untuk aktiviti bukan bandar. Kawalan densiti dapat dibuat melalui dasar ini.
- (ii) Meningkatkan jaringan pengangkutan dan aksesibiliti yang sesuai - penduduk perlu mempunyai pilihan dan sistem pengangkutan awam perlu dirancang. Ini juga dapat menyediakan alternatif-alternatif kepada corak perjalanan berulang alik penduduk ke bandar.
- (iii) Mencapai dasar 'infill development' dan pembangunan semula. 'menghidupkan' kawasan dan menggalakan pembangunan padat berbentuk menegak bagi mengawal limpahan pembandaran melalui kawalan pembangunan infrastruktur dan kemudahan.
- (iv) Meningkatkan reka bentuk bandar dan gunakan kaedah yang lebih berkesan bagi menjaga keindahan tapak dan jalinan masyarakat setempat.

Prosidur Pewilayahan:

- Menyenaraikan semua petempatan luar bandar yang menghadapi limpahan pembandaran.
- Menilai impak yang berlaku pada petempatan.
- Mengukur kepentingan petempatan ke dalam dasar perancangan pembangunan.
- Menentukan petempatan yang terlibat untuk program pemuliharaan (upgrading).
- Pembangunan semula (redevelopment) atau petempatan semula (resettlement).

- Pewilayahan petempatan dan merancang pusat terancang petempatan luar bandar.
- Menentukan jenis-jenis pusat terancang.

Penutup

Masalah berkaitan dengan pembangunan luar bandar merupakan cabaran penting kepada profession perancangan dalam era moden dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan globalisasi. Sebelum ini, pengkelasan petempatan luar bandar pernah dilakukan secara kasar dan kini perlu diperincikan. Pewilayahan petempatan luar bandar sekurang-kurang boleh dijadikan asas kepada bentuk dan corak perancangan petempatan luar bandar untuk masa hadapan bagi menangani perubahan yang berlaku. Agensi pembangunan wilayah perlu lebih dapat mengintegrasikan isu-isu fizikal dan bukan fizikal, dan boleh bekerjasama dalam tindakannya membangunkan wilayah perancangannya. Fokus perancangan petempatan luar bandar perlu berubah dengan melihat kepada isu setempat secara lebih menyeluruh dan berkait kepada keperluan wilayah. Ini boleh membuka kepada kaedah yang lebih holistik ke arah menjadikan wilayah luar bandar lebih mampan.

Melaksanakan pewilayahan ke atas petempatan luar bandar mungkin agak sukar sekiranya tanpa agensi perancangan yang baru yang lebih mantap. Secara asasnya diperlukan penyelarasan yang baik dari peringkat tempatan, negeri, dan nasional dalam membentuk matlamat pembangunan luar bandar yang boleh dikongsi bersama. Penyelarasan program di peringkat tapak oleh sektor awam dan swasta dalam pengurusan dan kos amat diperlukan. Empat perkara diberi penekanan:

- (i) Pemikiran semula rangka keruag dalam pelaksanaan dasar-dasar sistem pentadbiran perancangan luar bandar dan wilayah,
- (ii) Mengkaji ciri-ciri penting memampankan ekonomi bagi kawasan luar bandar,
- (iii) Memupuk kaedah holistik dalam perancangan petempatan luar bandar melibatkan pembangunan 'suburbanization', bandar kecil dan sederhana, dan

Anuar Amir

- (iv) Mengintegrasikan semula semua skala/peringkat/agensi perancangan dalam mengurus sumber-sumber luar bandar.

Oleh itu, pemikiran semula kaedah kita melihat sistem petempatan luar bandar perlu anjakan. Jururancang perlu bijak mencanai pembangunan masa depan keperluan kehidupan manusia dan tempat tinggalnya.

Rujukan

Anuar Amir (1990), *Pembentukan Konsep dan Ciri-ciri Kawasan Pinggir Bandar*, M.Phil Thesis, Universiti Teknologi Malaysia. Sekudai.

Bryant & Johnson (1992), *Agriculture in the City's Countryside*, Belhaven, London.

Ewing, R.H. *Characteristics, Causes, and Effects of Sprawl: a Literature Review*. Environment and Resource Issues. 1994. 21: 2.

Harvey, Robert O. and W.A.V. Clark (1965). *The Nature and Economics of Urban Sprawl*. *Land Economics* 41(1), 1-9.

Hugo, G.J. (1987), "Definition of Metropolitan and Urban Boundaries in Australia : Is it Time for a Change?" in A. Conacher (ed.), *Readings in Australian Geography*, Institute of Australian Geographers and Department of Geography, University of Western Australia, Perth.

Marlon G. Boarnet, (2000), *Do Highway Matter? Evidence and Policy Implications of Highways' Influence on Metropolitan Development*, Department of Urban and Regional Planning and Economic, University of California, Irvine.

Patricia Burgess (1998), *Revisiting Sprawl: Lesson from the past*, The Urban Center Publication, Cleveland State University.

Peiser, R.B. 1989. *Density and Urban Sprawl*, *Land Economics*. 65(3):193-204.

Shou, G. 2000, *Rethinking Urban Sprawl Measurement: A Statistical Approach*, Ph.D Thesis, University of South Carolina, USA.

Staley, Samuel R. *The Sprawling of America: In Defence of the Dynamic City*. The Reason Public Policy Institute Study No. 251, January 1999.

Wayne Senville, (2000), *Sprawl Guide: Increased Auto Dependence and Fuel Consumption*, Planning Commissioners Journal, PlannersWeb, Burlington.